

# Perlindungan yang menyeluruh dengan Allianz Shield Plus

Kemalangan berlaku pada waktu yang tidak dijangka. Bak kata pepatah, malang tidak berbau. Kehilangan sumber pendapatan dan kenaikan bil rawatan akibat kecederaan yang serius disebabkan kemalangan boleh menjadi beban kewangan kepada orang yang tersayang lebih-lebih lagi jika berlaku kematian. Tambahan pula, tekanan kehidupan boleh menyebabkan kita alpa mengenai kepentingan untuk menikmati dan menghargai setiap detik kehidupan kita.

Dengan penambahbaikan perlindungan **Allianz Shield Plus**, anda boleh menjalani kehidupan dengan tenang.

## Mengapa Allianz Shield Plus?



### Perlindungan Komprehensif

Bersedia menghadapi ketidakpastian dalam kehidupan dengan pelan kemalangan diri yang komprehensif, bersama manfaat tambahan yang sesuai dengan keperluan anda.



### Bonus Pembaharuan Pantas

Nikmati kenaikan sehingga \*20% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan semasa pembaharuan polisi tahunan.



### Diskaun untuk Perlindungan Keluarga

Lindungi seluruh keluarga anda di bawah satu polisi dan nikmati diskaun premium sehingga \*50% dengan kelebihan Pelan Keluarga kami!

\* Tertakluk pada terma dan syarat.



## Jadual manfaat bagi Pekerjaan Kategori A

Pekerjaan di mana tugas-tugas terhad kepada kerja pejabat atau melibatkan perjalanan yang terhad, serta kurang daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)										
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10	
Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)	60,000	120,000	180,000	240,000	360,000	600,000	900,000	1,200,000	2,000,000	3,000,000 <sup>i</sup>	
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	3,500	4,500	5,500	6,500	7,500	8,500	9,500	10,000	12,000	15,000	
Perubatan Alternatif (sehingga)	350	400	450	500	550	600	650	700	750	800	
Pemindahan Darah	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan										
Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik (sehingga)	5,000										
Pendapatan Hospital (setiap hari/maks. 180 hari)	85	85	85	110	110	185	185	235	250	300	
Bonus Pembaharuan	sehingga 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan										
Impotensi atau Infertiliti Kekal	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan										
Penculikan	10,000 untuk perbelanjaan dan 50,000 bagi ganjaran										
Bayaran Ambulans (sehingga)	500										
Perbelanjaan Pengebumian	5,000										
Elaun Perkabungan	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan										
Liabiliti Peribadi (sehingga)	Tiga kali ganda daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan										
Perbelanjaan Mobiliti (sehingga)	2,000										
Perbelanjaan Repatriasi (sehingga)	20,000										
Keguguran (akibat kemalangan)	2,000										
Perlindungan Ehsan (sehingga)	10,000										
Ragut atau Percubaan Meragut	600										
Tanggung Rugi Berganda (semasa menggunakan pengangkutan awam atau melancong ke luar negara)	Dua kali Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan termasuk Bonus Pembaharuan										
<b>Premium Tahunan (RM)</b>	<b>Umur 50 tahun dan ke bawah</b>	103	177	229	303	418	670	943	1,248	1,816	2,674
	<b>Umur 51 tahun sehingga 80 tahun</b>	123	212	275	363	501	804	1,131	1,497	2,179	3,209

Nota: <sup>i</sup>Akan dirujuk untuk pengunderaitan. Bagi setiap individu yang memohon pembelian Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sebanyak RM3,000,000, Pencadang dikehendaki menghantar Borang Soalan Penilaian Risiko (RAQ) yang lengkap yang ditandatangani oleh Pencadang dan Pengurus Cawangan.

## Jadual manfaat bagi Pekerjaan Kategori B

Pekerja mahir, separa mahir, penggunaan peralatan atau mesin dan terdedah kepada keadaan merbahaya serta lebih daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.

Manfaat	Jumlah Yang Diinsurankan (RM)					
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	
Jumlah Pokok Yang Diinsurankan untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan (sehingga)	60,000	120,000	180,000	240,000	360,000	
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	3,500	4,500	5,500	6,500	7,500	
Perubatan Alternatif (sehingga)	350	400	450	500	550	
Pemindahan Darah	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan					
Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik (sehingga)	5,000					
Pendapatan Hospital (setiap hari/maks. 180 hari)	85	85	85	110	110	
Bonus Pembaharuan	sehingga 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan					
Impotensi atau Infertiliti Kekal	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan					
Penculikan	10,000 untuk perbelanjaan dan 50,000 bagi ganjaran					
Bayaran Ambulans (sehingga)	500					
Perbelanjaan Pengebumian	5,000					
Elaun Perkabungan	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan					
Liabiliti Peribadi (sehingga)	Tiga kali ganda daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan					
Perbelanjaan Mobiliti (sehingga)	2,000					
Perbelanjaan Repatriasi (sehingga)	20,000					
Keguguran (akibat kemalangan)	2,000					
Perlindungan Ehsan (sehingga)	10,000					
Ragut atau Percubaan Meragut	600					
Tanggung Rugi Berganda (semasa menggunakan pengangkutan awam atau melancong ke luar negara)	Dua kali Jumlah Pokok Yang Diinsurankan termasuk Bonus Pembaharuan					
<b>Premium Tahunan (RM)</b>	<b>Umur 50 tahun dan ke bawah</b>	168	273	389	525	788
	<b>Umur 51 tahun sehingga 80 tahun</b>	201	327	467	630	945

## Penerangan manfaat

Allianz Shield Plus direka untuk memberi anda dan insan yang tersayang sembilan belas (19) manfaat utama sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku.



### Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan

Pembayaran Jumlah Pokok Yang Diinsurankan jika berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat kemalangan.



### Perbelanjaan Perubatan (termasuk Kemasukan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai)

Jaminan Kemasukan Hospital (sehingga RM2,500) di mana-mana hospital di Malaysia dan di dalam negara-negara Asia Pasifik jika penghospitalan tersebut diperlukan akibat kemalangan.

Negara-Negara Asia Pasifik: Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand and Vietnam.



### Perubatan Alternatif

Pembayaran balik kos untuk rawatan perubatan alternatif yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsurankan akibat kemalangan.



### Pemindahan Darah

Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan jika Orang Yang Diinsurankan dijangkiti Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) akibat pemindahan darah ketika menjalani rawatan perubatan bagi kecederaan di hospital dalam Malaysia. Manfaat ini hanya akan dibayar jika Orang Yang Diinsurankan didiagnosis positif dengan Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemindahan darah.



### Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik

Syarikat akan membayar perbelanjaan berkenaan dengan pembetulan gigi dan/atau pembedahan pembaikan kosmetik pada bahagian leher, kepala atau dada (pusat dan ke atas) berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan.



### Pendapatan Hospital

Manfaat harian akan dibayar selama tempoh penghospitalan akibat kemalangan, sehingga maksima seratus lapan puluh (180) hari.

Manfaat ini akan bermula sekiranya Orang Yang Diinsurankan dirawat di hospital lebih daripada dua belas (12) jam disebabkan oleh kemalangan.



### Bonus Pembaharuan

Semasa pembaharuan Polisi, Jumlah Pokok Yang Diinsurankan dinaikkan:

- sebanyak dua puluh peratus (20%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsurankan yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun; atau
- sebanyak sepuluh peratus (10%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsurankan yang berumur empat puluh (41) tahun dan ke atas;

tanpa mengira sebarang tuntutan yang dibuat dibawah Perbelanjaan Perubatan, Pemindahan Darah, Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik, Manfaat Mingguan, Pendapatan Hospital, Penculikan, Bayaran Ambulans dan Liabiliti Peribadi.

Bonus Pembaharuan akan bermula semula jika mana-mana tuntutan dibuat di bawah manfaat Hilang Upaya Kekal, Tanggung Rugi Berganda dan Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor.



### Impotensi atau Infertiliti Kekal

Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsurankan jika Orang Yang Diinsurankan mengalami impotensi dan infertiliti kekal disebabkan oleh kemalangan.



### Penculikan

Pembayaran sekali gus sebanyak RM10,000 untuk perbelanjaan yang diperlukan untuk mencari Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat juga menawarkan ganjaran RM50,000 untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa Orang Yang Diinsuranskan masih hidup pada masa penemuan. Selepas setahun dari tarikh laporan kejadian penculikan, kehilangan tersebut akan dianggap sebagai tuntutan kematian.



### Bayaran Ambulans

Pembayaran balik caj yang dikenakan untuk keperluan perkhidmatan ambulans di Malaysia disebabkan oleh kemalangan.



### Perbelanjaan Pengebumian

Pembayaran sekali gus amaun untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.



### Elaun Perkabungan

Pembayaran sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian yang disebabkan oleh denggi, virus zika, malaria, japanese encephalitis atau chikungunya selepas mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Syarikat.



### Liabiliti Peribadi

Syarikat akan menanggung Orang Yang Diinsuranskan untuk semua bayaran yang perlu dibayar kepada pihak ketiga sekiranya berlaku kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda pihak ketiga tersebut akibat kemalangan. Had wilayah bagi manfaat ini hanya di dalam Malaysia sahaja.



### Perbelanjaan Mobiliti

Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan, Syarikat akan membayar balik kos pembelian peralatan perubatan hingga had yang ditetapkan dalam Jadual dengan syarat bahawa pembelian peralatan perubatan adalah perlu untuk membantu mobiliti Orang Yang Diinsuranskan dan disyorkan oleh Pengamal Perubatan yang merawat.



### Perbelanjaan Repatriasi

Syarikat akan membayar balik amaun sebenar yang dikenakan, sehingga amaun yang dinyatakan di dalam Jadual bagi membawa pulang jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya sekiranya kematian disebabkan kemalangan semasa perjalanan di luar negara.



### Keguguran akibat Kemalangan

Pembayaran sebanyak RM2,000 untuk setiap kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya mengalami keguguran akibat kemalangan.



### Perlindungan Ehsan

- (i) Pembayaran balik sehingga RM10,000 untuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang munasabah yang ditanggung oleh satu (1) ahli keluarga untuk menjaga dan/atau menemani Orang Yang Diinsuranskan yang di bawah umur, semasa tempoh penghospitalan, yang berlaku disebabkan oleh kemalangan.
- (ii) Pembayaran sekali gus RM10,000 sekiranya Orang Yang Diinsuranskan melahirkan bayi yang mempunyai kecacatan kelahiran disebabkan oleh virus zika yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.



### Ragut atau Percubaan Meragut

Sekiranya berlaku Ragut atau Percubaan Meragut, Syarikat akan membayar pampasan sebanyak RM600 kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat laporan polis telah dibuat. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian Ragut atau Percubaan Meragut berlaku.



### Tanggung Rugi Berganda

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian, lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat kemalangan yang berlaku semasa perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang perkhidmatan pengangkutan awam atau semasa perjalanan di luar negara, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang dibayar di bawah manfaat kematian atau Hilang Upaya Kekal yang berkaitan bersama dengan Bonus Pembaharuan, jika ada, akan dibayar dua kali ganda.



## Manfaat pilihan

Manfaat pilihan berikut boleh ditambah pada pelan **Allianz Shield Plus** anda dengan bayaran premium tambahan untuk persediaan dari segi kewangan yang optimum terhadap sebarang liku-liku kehidupan yang boleh mengganggu gaya hidup anda.

### 1 Manfaat Mingguan



Sekiranya Pengamal Perubatan mengesahkan anda tidak berupaya melakukan tugas sepenuhnya, anda akan dibayar sehingga lima puluh dua (52) minggu.

#### Had setiap minggu (RM)

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
Kategori A	50	75	100	125	150	250	375	500	750	1,000

#### Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan (RM)

Umur 50 tahun dan ke bawah	145	219	292	376	502	859	1,153	1,510	2,054	2,992
Umur 51 tahun sehingga 80 tahun	174	263	350	451	602	1,031	1,383	1,812	2,465	3,590

#### Had setiap minggu (RM)

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
Kategori B	50	50	50	75	75

#### Premium Tahunan dengan Manfaat Mingguan (RM)

Umur 50 tahun dan ke bawah	200	305	420	578	840
Umur 51 tahun sehingga 80 tahun	240	366	504	693	1,008

### 2 Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor



Manfaat ini beserta Bonus Pembaharuan, jika ada, akan dibayar dua kali ganda sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian, lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng atau pemandu/penunggang.

#### Premium Tambahan (RM)

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
Kategori A	18	36	54	72	108	180	270	360
Kategori B	18	36	54	72	108	Tiada		

Nota: Bagi manfaat ini, jika Tanggung Rugi Berganda Polisi ini juga akan dibayar, Orang Yang Diinsuranskan hanya layak untuk menuntut antara Tanggung Rugi Berganda atau Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor sahaja.

### 3 Program 24 Jam Bantuan Perubatan Dan Pemindahan Antarabangsa Dan Domestik



1. Pemindahan perubatan;
2. Repatriasi di bawah seliaan perubatan;
3. <sup>i</sup>Repatriasi jenazah (sehingga RM25,000 setiap peristiwa);
4. <sup>i</sup>Penziarahan oleh saudara mara (sehingga RM5,000 setiap peristiwa);
5. <sup>i</sup>Penghantaran balik kanak-kanak yang mengiringi Orang Yang Diinsuranskan (sehingga RM2,500 setiap peristiwa);
6. <sup>ii</sup>Penghantaran ubat-ubatan yang tidak boleh didapati di kawasan setempat;
7. Penghantaran pesanan kecemasan dan pengawasan perubatan;
8. Rujukan perubatan dan pengurusan janji temu perubatan;
9. Perundingan tele-perubatan dan penilaian keadaan Orang Yang Diinsuranskan;
10. Penghantaran pesanan kecemasan;
11. Rujukan perundangan;
12. Rujukan jurubahasa/penterjemah;
13. Keperluan visa, pasport dan inokulasi;
14. Mengesan barang-barang yang hilang.



Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
Kategori A & B	Sehingga RM2,000,000									
Premium Tambahan (RM)	RM15									

Nota:

1. Semua pemindahan dan/atau repatriasi perubatan akan sentiasa dibawah pengawasan rapi perubatan sehingga RM2,000,000 setiap orang bagi setiap peristiwa.
2. <sup>i</sup>Orang Yang Diinsuranskan hanya boleh menggunakan perkhidmatan ini sewaktu berada di luar Malaysia.
3. <sup>ii</sup>Sehingga USD1,000 jika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar Malaysia dan sehingga RM1,000 jika dia berada di dalam Malaysia.

### 4 Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
<b>Perlindungan Peranti Pintar<sup>i</sup></b> Bayaran pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan pada Peranti Pintar milik Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau Ragut atau Percubaan Meragut.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
<b>Perlindungan Belian Atas Talian<sup>i</sup></b> Bayaran pampasan untuk kerugian barangan yang dibeli dari laman web/ aplikasi palsu atau tiada penghantaran barangan yang dibeli.	300	500	800	1,000	1,500
<b>Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman</b> Syarikat akan membayar amaun yang perlu dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
<b>Kehilangan Peralatan Sukan<sup>i</sup></b> Pampasan diberikan untuk kehilangan peralatan sukan milik Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau Ragut atau Percubaan Meragut.	500	1,000	1,500	2,000	2,500
<b>Terlepas Acara</b> Pembayaran balik tiket/bayaran pendaftaran/bayaran kemasukan kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk konsert, filem, taman hiburan, taman tema atau acara sukan jika manfaat Pendapatan Hospital boleh dibayar di bawah Polisi.	300	350	400	450	500
<b>Penjagaan Kejururawatan</b> Pembayaran balik kos penjagaan kejururawatan yang ditanggung selepas keluar hospital akibat kemalangan.	500	1,000	2,000	3,000	4,000
<b>Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup</b> Pembayaran balik kos modifikasi rumah dan/ atau kenderaan Orang Yang Diinsuranskan sekiranya manfaat hilang upaya kekal berbayar sebanyak 50% dan lebih.	5,000	10,000	20,000	25,000	30,000

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
 <b>Perbelanjaan Rehabilitasi</b> Pembayaran balik kos rundingan dan rawatan perubatan yang ditanggung selepas keluar dari hospital sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rehabilitasi akibat kemalangan.	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
 <b>Perkhidmatan Pengemasan</b> Pembayaran balik kos perkhidmatan pembantu rumah selepas Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital berikutan kemalangan.	300	350	400	450	500
<b>Premium Tambahan (RM)</b>	47	70	94	118	141

Nota:

- <sup>i</sup>Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan sepanjang Tempoh Insurans.
- Rujuk pada Polisi untuk senarai penuh ciri-ciri dan terma-terma dan syarat-syarat.

## 5 Manfaat Gangguan Pembelajaran



Pembayaran balik yuran satu (1) semester sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat kemalangan atau berlaku kematian penaja akibat kemalangan, termasuk kos pengangkutan untuk pulang ke rumah bagi melawat ahli keluarga yang dimasukkan ke hospital atau kematian ahli keluarga akibat kemalangan.

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Kecederaan kepada Orang Yang Diinsuranskan					
Kematian penaja (akibat kemalangan)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Perbelanjaan Pengangkutan <sup>ii</sup> (sub-had <sup>iii</sup> )					
<b>Premium Tambahan (RM)</b>	16	32	48	64	80

Nota:

- <sup>i</sup>Butiran seorang (1) penaja yang berumur antara lapan belas (18) tahun dan tujuh puluh (70) tahun mestilah diberikan semasa permohonan insurans dan/atau pembaharuan.
- <sup>ii</sup>Manfaat ini terhad kepada dua (2) tuntutan dalam tempoh insurans.
- <sup>iii</sup>Perbelanjaan Pengangkutan tertakluk kepada sub-had RM1,000, RM2,000, RM3,000, RM4,000 dan RM5,000 untuk Pelan A hingga E masing-masing.
- Manfaat Gangguan Pembelajaran hanya terpakai untuk Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan pelajar sepenuh masa berdaftar di institusi pendidikan dan manfaat ini tidak akan terpakai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah menamatkan pengajiannya pada bila-bila masa semasa Tempoh Insurans.

## Perlindungan yang diperluaskan

Kami memahami bahawa kehidupan ini tidak dapat diduga. Oleh itu, **Allianz Shield Plus** mengorak langkah ke hadapan dengan manfaat yang diperluaskan bagi memastikan perlindungan lebih terjamin untuk anda. Tertakluk kepada terma, pengecualian, proviso dan syarat-syarat, perlindungan yang diperuntukkan akan diperluaskan kepada keadaan yang berikut.



Risiko bermotosikal



Mogok, rusuhan dan kekecohan awam



Rampasan



Pembunuhan dan serangan yang tidak diprovokasi



Lemas akibat asap, wap dan gas beracun



Memburu dan mendaki gunung (tanpa atau menggunakan bantuan tali atau pengendali)



Mabuk akibat dadah atau alkohol (di bawah had undang-undang)



Banjir, ribut dan gempa bumi



Keracunan makanan atau minuman



Sukan air



Aktiviti-aktiviti dalam Air/ selam skuba (sehingga 50 meter)



Permainan polo dan terjun bungee



Sukan amatur (kecuali seni mempertahankan diri dan tinju)



Lemas atau hampir lemas yang tidak disengajakan



Sengatan serangga, patukan ular dan gigitan binatang



## Kelebihan pelan keluarga

Melindungi anak anda sepenuhnya daripada segala benjolan, lebam, calar dan terjatuh sepanjang penerokaan mereka untuk menjadi jaguh masa depan adalah suatu perkara yang mustahil. Namun, dengan adanya dua jenis diskaun premium, **Allianz Shield Plus** diperluaskan lagi untuk melindungi jaguh masa depan anda daripada segala bahaya yang tidak dijangka.

### Senario A : Diskaun 30%



**Anda diinsuranskan di bawah Allianz Shield Plus.**

Setiap seorang \*anak/anak-anak anda akan menikmati **diskaun premium 30%** sekiranya anda menginsuranskannya di bawah polisi yang sama.

Premium Tahunan tanpa Manfaat Mingguan				
Kategori A & B	Ibu bapa 1	Anak 1	Anak 2	
Pelan 1 (RM)	103	<del>103</del> 72.10	<del>103</del> 72.10	

**Diskaun premium 30% setiap anak**

### Senario B : Diskaun 50%



**Anda dan pasangan anda diinsuranskan di bawah Polisi Allianz Shield Plus yang sama.**

Setiap seorang \*anak/anak-anak anda akan menikmati **diskaun premium 50%** sekiranya anda menginsuranskannya di bawah polisi yang sama.

**Bayar kurang, perlindungan lebih!**

Premium Tahunan tanpa Manfaat Mingguan				
Kategori A & B	Ibu bapa 1	Ibu bapa 2	Anak 1	Anak 2
Pelan 1 (RM)	103	103	<del>103</del> 51.50	<del>103</del> 51.50

**Diskaun premium 50% setiap anak**

\*Anak/anak-anak merujuk kepada anak/anak-anak Orang Yang Diinsuranskan yang belum berkahwin berumur lebih daripada tiga puluh (30) hari tetapi bawah lapan belas (18) tahun atau bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak/anak-anak merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum mendapat pekerjaan.

## Nota umum

1. Bagi kanak-kanak berumur di bawah tujuh belas (17) tahun, kadar Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan maksima yang dibenarkan ialah RM1,200,000.
2. Hanya Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Kekal akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan berada diluar daripada Malaysia selama lebih dari sembilan puluh (90) hari berturut-turut.  
Syarat ini tidak terpakai bagi Manfaat Pilihan - Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan dan Manfaat Gangguan Pembelajaran.
3. Hanya Orang Yang Diinsuranskan yang berumur antara enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun yang layak memilih Manfaat Pilihan - Manfaat Gaya Hidup dan Kehidupan dan Manfaat Gangguan Pembelajaran.
4. Sekiranya anda memilih Pembaharuan Automatik (untuk Polisi Individu sahaja), tertakluk kepada terma dan syarat Polisi anda dan bayaran Premium yang perlu dibayar, Polisi anda akan diperbaharui pada setiap ulang tahun apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan.
5. Premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10 perlu dibayar untuk Kontrak Insurans.
6. Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

## Klasifikasi pekerjaan

*Kategori A	Kategori B
Pekerjaan di mana tugas-tugas terhad kepada kerja pejabat atau melibatkan perjalanan yang terhad, serta kurang daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.	Mahir, separa mahir, penggunaan peralatan atau mesin dan terdedah kepada keadaan merbahaya serta lebih daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar.
Ahli parlimen, pegawai kanan dan pengurus (atau pengarah), profesional, juruteknik dan tugas teknikal, pekerja pengkeranian, pekerja perkhidmatan dan pekerja jualan di pasar dan kedai, surirumah/suamirumah, pesara, penganggur, pelajar, kanak-kanak.	Pekerja pertanian dan perikanan berkemahiran, pekerja kraf dan perdagangan yang berkaitan, pengendali dan pemasangan loji dan mesin, pekerja tanpa kemahiran (melibatkan tugas fizikal), pemandu dan penunggang (termasuk pemandu lori, teksi, e-hailing dan p-hailing), penyelam, penguji pesawat, **juruterbang atau anak kapal, **atlet sukan profesional, pelaut dan nelayan laut dalam, joki, penggergaji dan pekerja kayu balak, tukang pembaik menara, pemungkah barang di pelabuhan, orang-orang yang terlibat dalam perkhidmatan ambulans, dan tukang kayu.

Nota:

\*Di mana tugas-tugas melibatkan lebih daripada 50% penglibatan dalam pekerjaan buruh kasar, pekerjaan-pekerjaan tersebut akan diklasifikasikan dalam Kategori B.

\*\*Hanya tersedia untuk pemegang polisi individu.

## Pekerjaan Yang Dikecualikan

Tentera, wartawan perang, pengendali bahan letupan, penggalian terowong bawah tanah dan perlombongan.

Perlindungan untuk polis, pegawai penguatkuasa undang-undang, bomba, pelumba kereta, orang yang terlibat dalam peruntuhan bangunan dan pekerja pelantar minyak tersedia di bawah pekerjaan khusus.

Nota: Sila rujuk kepada brosur pekerjaan khusus untuk senarai pengecualian yang lengkap.

## Pengecualian

Peperangan, perang saudara, AIDS, tidak siaman, kelahiran, pembunuhan atau serangan akibat provokasi, aktiviti udara, seni pertahanan diri, perlumbaan, radiasi, bahan senjata nuklear.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

## Soalan lazim

### 1. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu dibayar adalah bergantung kepada kategori pekerjaan, pelan pilihan, dan kumpulan umur. Di bawah Kategori A, anda boleh memilih antara sepuluh (10) pelan, dengan premium dari RM103 hingga RM3,209 untuk setiap pelan. Demikian juga, Kategori B menawarkan lima (5) pelan untuk dipilih, dengan premium dari RM168 hingga RM945. Anda juga mempunyai pilihan untuk menambah baik perlindungan anda dengan manfaat dan premium tambahan.

### 2. Sekiranya berlaku kemalangan, apa yang boleh saya tuntutan di bawah Perbelanjaan Perubatan?

Anda boleh menuntut kos penghospitalan, rawatan klinikal, rawatan perubatan dan pembedahan, serta kos untuk mendapatkan laporan perubatan/pakar/bedah siasat.

### 3. Di manakah saya boleh mencari Skala Pampasan Hilang Upaya Kekal?

Berikut ialah beberapa contoh Hilang Upaya Kekal dan peratusan yang dibayar:

Diskripsi Kehilangan	% Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	100%
Hilang empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%

Untuk maklumat terperinci mengenai Skala Pampasan Hilang Upaya Kekal, anda boleh merujuk kepada [https://az.my/scaleofcompensation\\_asp\\_bm](https://az.my/scaleofcompensation_asp_bm)

### 4. Saya sudah mempunyai polisi insurans hayat dan polisi insurans kesihatan, kenapa saya masih perlu membeli Allianz Shield Plus?

Insurans hayat menawarkan manfaat kematian kepada penama anda jika anda meninggal dunia. Insurans kesihatan menyediakan pampasan dan/atau bayaran balik bagi penghospitalan dan perbelanjaan perubatan lain. Allianz Shield Plus (ASP), sebaliknya, melindungi daripada risiko kewangan yang boleh berlaku disebabkan kecacatan kekal akibat kemalangan atau kematian akibat kemalangan ahli keluarga yang mencari nafkah. Secara ringkas, ASP adalah penting kerana ia mengukuhkan portofolio kewangan anda dan menjamin masa depan ahli keluarga yang bergantung kepada anda terhadap peristiwa yang tidak dijangka. Manfaat ASP boleh dibayar tanpa mengira insurans atau indemniti lain. Anda mungkin layak disebabkan oleh kecederaan atau kecacatan yang berlaku akibat tugas pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah kontrak insurans lain seperti Skim Faedah Pekerja atau Perlindungan Keselamatan Sosial (SOCSO).

### 5. Saya kerap melancong ke pelbagai negara untuk urusan perniagaan dan kadang-kadang untuk percutian. Bagaimana sekiranya saya mengalami kemalangan di luar Malaysia?

Anda tidak perlu risau, Polisi kami menawarkan perlindungan seluruh dunia. Tuntutan anda akan dibayar walaupun jika anda mengalami kemalangan di luar negara. Anda berpeluang untuk membuat tuntutan bagi Perbelanjaan Perubatan, Pendapatan Hospital, Ragut atau Percubaan Meragut, serta banyak manfaat lain.

### 6. Bagaimana saya akan mendapatkan Bonus Pembaharuan?

Setiap kali Anda memperbaharui Polisi, dengan syarat tiada tuntutan dibuat di bawah manfaat Hilang Upaya Kekal, Tanggung Rugi Berganda, dan Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan Anda meningkat sebanyak 20% (untuk mereka yang berumur tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun) atau 10% (untuk mereka yang berumur empat puluh satu (41) tahun ke atas); tertakluk kepada maksimum 100%.

Risalah ini adalah sah mulai 1 Mac 2024.

Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Keterangan yang lebih lanjut terdapat di dalam Polisi.

# Kendali tuntutan kemalangan anda dengan Allianz

Apa yang perlu dilakukan apabila anda mengalami kemalangan?

1

## Utamakan keselamatan anda



Jika kejadian yang tidak diingini berlaku, utamakan keselamatan anda dan cari rawatan perubatan segera jika diperlukan.

2

## Ambil butiran



Serahkan dokumen-dokumen seperti:

- Deskripsi ringkas mengenai kemalangan.
- Bagi tuntutan kecederaan dan/atau hilang upaya, berikan laporan perubatan anda dan sijil cuti perubatan (jika ada).
- Bagi tuntutan kematian, berikan sijil kematian dan laporan bedah siasat (jika ada).
- Bagi kemalangan kenderaan bermotor, berikan lesen memandu anda (jika anda pemandu) dan laporan polis.

\*Nota penting. Maklumat yang diperlukan di atas hanya sebagai panduan dan kami berhak untuk meminta dokumen tambahan mengikut keperluan.

3

## Maklumkan kepada Allianz



- Muat turun aplikasi **MyAllianz**, daftar dan ikuti panduan untuk membuat tuntutan anda.
- Hubungi ejen perkhidmatan anda untuk mendapatkan nasihat dan panduan.
- Hubungi khidmat pelanggan Allianz di 1 800 225542 untuk mendapatkan bantuan.

4

## Jejaki perbelanjaan



Simpan semua **resit asal** bagi sebarang kos yang ditanggung. Ini akan membantu memudahkan proses tuntutan dan memastikan anda dibayar balik dengan sewajarnya.

### Komitmen Allianz kepada Pelanggan kami:

Tuntutan akan dibayar dalam tempoh 7 hari bekerja dari masa penerimaan notis tuntutan dan dokumen-dokumen yang lengkap daripada anda.